

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/323118346>

KEPENTINGAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Chapter · February 2018

CITATIONS

0

READS

56,667

1 author:



Khairul Azhar Meerangani
Universiti Teknologi MARA

60 PUBLICATIONS 29 CITATIONS

SEE PROFILE

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



Perlakuan Buli Siber di Media Digital Dalam Kalangan Belia di Melaka Menurut Perspektif Islam [View project](#)



Pengamalan al-Sukhriyyah Dalam Media Sosial Masa Kini (GPTD/20/F1/19) [View project](#)

KEPENTINGAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Khairul Azhar bin Meeranganiⁱ

ⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.
khairulazhar@kuim.edu.my

PENDAHULUAN

Penciptaan manusia di muka bumi bertujuan menjalankan dua tugas utama yang telah ditaklifkan oleh Allah kepada mereka iaitu tugas pengabdian dan tugas pengimarahannya (Mohd Nor Mamat. 2002: 74). Bagi membolehkan mereka melaksanakan kedua-dua tugas ini secara efektif, manusia telah dibekalkan dengan aset akal dan nafsu sebagai pengimbang dan pemandu mereka dalam melaksanakan sesuatu peranan. Alam bumi merupakan salah satu daripada alam-alam lain yang telah diciptakan oleh Allah sebagai tanda kekuasaanNya. Manusia adalah sebahagian daripada ciptaan penting yang wujud di bumi dan mempunyai hubungan yang rapat dengan persekitarannya. Bumi yang dijadikan dengan penuh keindahan dan keseimbangan ini memerlukan pentadbir yang berkualiti bagi memastikan kesinambungannya terpelihara. Oleh itu, manusia perlu memberikan perhatian dan tumpuan yang serius terhadap amanah yang telah diberikan oleh Allah dengan memastikan mereka mampu melaksanakan kedua-dua tugas ini secara sempurna tanpa mengabaikan salah satu daripadanya (Seyyed Hossein Nasr. 1990: 36).

Penjagaan alam sekitar memerlukan peranan secara kolektif daripada seluruh manusia dengan memastikan setiap peraturan yang telah ditetapkan mampu dipatuhi dan dilaksanakan. Sebarang tindakan yang bertujuan mencerooboh dan melanggar sempadan peraturan ini bukan sahaja akan menggugat kestabilan ekosistem yang wujud, bahkan berpotensi mendatangkan implikasi yang buruk terhadap kesejahteraan kehidupan manusia. Hal ini bermakna, sebarang tindakan dan perbuatan manusia berkaitan dengan alam sekitar mempunyai kesan berangkai yang akhirnya akan kembali kepada kelompok manusia itu sendiri. Oleh itu, penetapan elemen dosa dan pahala dalam memandu hubungan manusia dan alam sekitar bukanlah mempunyai nilai ukhrawi semata-mata, namun turut bertujuan memelihara kemaslahatan manusia di dunia ini. Proses pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu direncanakan secara sistematik bagi menjamin kelangsungannya serta mengawal elemen-elemen luar yang boleh mendatangkan kemudaratan terhadap alam (Hazura dan Norhaidah. 2007: 32).

Hubungan antara manusia dengan alam sekitar merupakan antara perkara yang diberikan penekanan yang utama oleh Islam. Setiap individu dalam masyarakat perlu menguruskan sumber alam dengan berhemah dan teliti bagi mengelakkan berlakunya pembaziran sumber alam secara tidak terkawal. Segala keputusan yang direncanakan melibatkan penerokaan alam sekitar perlu diperhalusi secara mendalam dan mendapat pertimbangan yang sewajarnya bagi membolehkan

khazanah alam yang berharga ini dapat dikekalkan keseimbangannya. Kesejahteraan kehidupan manusia di dunia ini bergantung kepada sejauh mana kesedaran mereka dalam memastikan alam sekitar tidak berhadapan dengan pencemaran dan kehabisan sumber alam. Hal ini kerana kedua-dua fenomena ini boleh mengakibatkan malapetaka yang bukan sahaja menimpa generasi kini bahkan turut melibatkan generasi yang seterusnya. Maka, inisiatif yang bersesuaian perlu diusahakan bagi memastikan kelestarian alam sekitar mampu dipertahankan.


KONSEP ALAM SEKITAR

Alam sekitar merujuk kepada unsur-unsur yang wujud dalam persekitaran manusia. Dalam konteks semasa, istilah ekologi turut dikaitkan dalam perbincangan berkaitan alam sekitar yang merujuk kepada interaksi sesama makhluk hidup dalam ekosistem semulajadi (Ahmad Dahlan: 123). Perkataan ekologi merupakan gabungan dua perkataan dalam bahasa Greek iaitu *oikos* yang bermaksud kediaman, dan *logos* yang bermaksud kajian mengenai sesuatu (Odum, E.P. 1971: 37). Alam sekitar turut dirujuk sebagai alam semula jadi yang boleh dimanfaatkan oleh manusia untuk tujuan kediaman dan sebagainya. Menurut Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974), alam sekitar didefinisikan sebagai “unsur-unsur fizikal yang berada di sekeliling manusia seperti tanah, air, udara, iklim, tumbuhan, haiwan serta unsur-unsur biologi dan sosial yang saling bergantung antara satu sama lain” (Akta 127-Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Bahagian 1, Seksyen 1 (Tafsiran)). Secara rumusannya, alam sekitar dapat disimpulkan sebagai lingkungan kediaman manusia serta unsur-unsur yang wujud dalam persekitarannya yang memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan hidup manusia serta memenuhi keperluan mereka sama ada dalam aspek makanan, pakaian, tempat perlindungan dan medium interaksi antara satu sama lain (Naek Muhammad Salt. 1992: 29).

Alam sekitar dapat dibahagikan kepada dua bentuk yang utama iaitu alam persekitaran semulajadi dan alam persekitaran buatan. Alam persekitaran semulajadi merujuk kepada segala unsur yang diciptakan oleh Allah SWT wujud di permukaan bumi yang terdiri daripada benda-benda hidup (biotik) seperti tumbuhan dan haiwan serta benda-benda mati (abiotik) seperti gunung, sungai, lautan dan sebagainya. Selain itu, alam semula jadi juga turut melibatkan unsur-unsur lain yang wujud di udara seperti panas, sejuk, angin dan hujan (Saber Othman. 1986: 23). Alam persekitaran buatan pula ialah hasil ciptaan dan inovasi manusia berdasarkan tindak balas mereka terhadap alam persekitaran semula jadi seperti pembinaan kilang, kenderaan, kawasan kediaman dan rekreasi serta binaan-binaan moden yang lain (A.R. Agwan. 1997: 41). Alam persekitaran buatan ini wujud hasil pemanfaatan sumber-sumber alam oleh manusia secara efisien bagi memenuhi keperluan dan kelangsungan hidup mereka. Namun begitu, kewujudan alam persekitaran buatan ini tetap tertakluk peraturan agama, perundangan negara serta etika masyarakat setempat bagi memastikan keseimbangan ekosistem manusia dan makhluk-makhluk yang lain tidak diceroboh atau dirosakkan.

KOMPONEN ALAM SEKITAR

Sistem Alam Sekitar Fizikal (SASF) terbahagi kepada empat komponen penting iaitu atmosfera, litosfera, biosfera dan hidrosfera yang saling berhubungan dan bertindak balas antara satu sama lain (Hamidi, Rokiah dan Wahida. 2004: 174). Hal ini bermakna pencemaran, pencerobohan dan kerosakan yang dilakukan terhadap salah satu daripada komponen ini turut memberi kesan yang negatif terhadap komponen-komponen yang lain. Hubungan yang seimbang dan dinamik antara kesemua komponen ini dapat dilihat menerusi rajah berikut:




Rajah 1: Sistem Alam Sekitar Fizikal dan Perhubungannya (Sumber: Hamidi Ismail et.al, 2004)

Keseimbangan komponen-komponen utama alam sekitar ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh setiap manusia. Islam telah memberikan penekanan yang khusus dalam aspek penjagaan kesemua komponen ini sebagai salah satu daripada tanggungjawab yang diamanahkan kepada semua manusia. Hal ini kerana tujuan utama dalam penyariatian sesuatu perkara dalam Islam bertujuan mendatangkan kemaslahatan buat manusia dan memelihara mereka daripada sebarang bentuk kemudaratan. Maka, kesungguhan setiap manusia dalam melaksanakan amanah ini akhirnya akan mendatangkan kebaikan dan kesejahteraan terhadap manusia itu sendiri.

Atmosfera

Ruangan atmosfera bumi dengan keluasan 100 kilometer terbahagi kepada empat lapisan iaitu troposfera¹, stratosfera², mesosfera³ dan termosfera⁴ (Shaharudin Ahmad. 2001: 27-36). Lapisan-lapisan ini mempunyai kandungan, suhu dan tahap ketinggian yang berbeza sebagaimana yang boleh dilihat dalam rajah berikut:



Rajah 2: Struktur Lapisan Atmosfera

Kandungan udara bumi terdiri daripada nitrogen (78%), oksigen (21%), wap air (1%), karbon dioksida (0.03%) dan gas-gas lain (0.97%) (Ab. Latif Ibrahim et.al. 2008: 46). Pencemaran yang dilakukan oleh manusia seperti pembakaran terbuka, pelepasan asap kenderaan dan kilang yang berbahaya serta habuk dan debu daripada aktiviti pembinaan berpotensi mempengaruhi tahap kebersihan dan keselamatan udara dalam persekitaran. Bagi menjamin kualiti dan kebersihan udara, pihak kerajaan antaranya telah memperkenalkan beberapa peraturan untuk tujuan tersebut seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perlombongan Petroleum 1972, Akta

¹ Lapisan atmosfera paling hampir kedudukannya dengan permukaan bumi dan mempunyai ketebalan yang nipis iaitu di antara 10-16 kilometer dengan takat suhu di lapisan ini sekitar 17 C hingga -52 C. Lapisan ini juga mengandungi campuran gas yang menyokong hidupan di samping mempunyai pengaruh terhadap sistem cuaca di bumi.

² Lapisan atmosfera kedua dengan ketinggian sehingga lebih kurang 50 kilometer. Lapisan ini turut mengandungi lapisan ozon yang berfungsi menyerap pancaran cahaya ultra lembayung bagi melindungi bumi daripada mengalami peningkatan suhu mendadak.

³ Lapisan atmosfera ketiga yang terletak pada ketinggian 80-85 kilometer daripada permukaan bumi. Lapisan ini mengandungi zarah udara dan pergeseran yang berlaku dengan objek yang melaluinya seperti meteor menyebabkannya terbakar sebelum sampai ke bumi.

⁴ Lapisan atmosfera yang terakhir yang bermula dengan ketinggian 80 kilometer dari permukaan bumi hingga antara 500-1000 kilometer. Lapisan ini mempunyai takat suhu yang tinggi sehingga 2000 C..

Kerajaan Tempatan 1976, Ordinan Lalulintas Jalan raya 1958 dan Kaedah-kaedah Kereta Motor 1977 (Abd Basir Mohamad. 2005: 113).

Udara sangat penting dalam kehidupan manusia di mana tanpa bekalan udara yang mencukupi manusia akan mengalami kesukaran bernafas sehingga meragut nyawa. Udara membekalkan oksigen yang sangat diperlukan manusia untuk pernafasan dan aktiviti-aktiviti yang lain. Oleh itu, Islam sangat mengambil berat perihal kualiti kebersihan udara. Abu Hurairah RA pernah meriwayatkan :

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا عَطَسَ عَطَىٰ وَجْهَهُ يَدَيْهِ أَوْ بِتَوْبِهِ وَغَضَّ بِهَا صَوْتَهُ

Terjemahan : *Sesungguhnya Rasulullah SAW apabila bersin, menutupi mukanya dengan tangan atau baju dan merendahkan suaranya.* (Hadis riwayat al-Tirmidhi, Kitab al-Adab, Bab Ma Ja'a fi Khafd al-Sawt wa Takhmir al-Wajh 'ind al-'Utas, no. hadis: 2745).

Tindakan tersebut selain daripada memperlihatkan keluhuran adab pekerti Baginda, ia juga memberikan mesej penting yang lain iaitu peringatan mengelakkan pencemaran udara meskipun dengan skala yang kecil. Angin yang keluar daripada mulut orang yang bersin mengandungi kuman dan bakteria tertentu yang telah dinyahkan daripada badan dan berpotensi menjangkiti orang yang berhampiran terutama bagi mereka yang memiliki sistem pertahanan badan yang lemah. Rasulullah SAW juga turut memberi perhatian terhadap kawalan pencemaran bau yang boleh menimbulkan ketidakselesaan terhadap orang awam. Baginda pernah melarang sahabat yang memakan bawang daripada menghadiri solat berjemaah kerana bau yang terbit daripada mulutnya boleh mendatangkan gangguan kepada para jemaah yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis berikut:

مَنْ أَكَلَ الْبَصَلَ وَالْكُرْثَ فَلَا يُقْرَبَنَّ مَسْجِدَنَا، فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَتَأَذَىٰ مِمَّا يَتَأَذَىٰ مِنْهُ بَنُو آدَمَ

Terjemahan: *Barang siapa yang memakan bawang merah, bawang putih (mentah) dan daun bawang, maka janganlah dia menghampiri masjid kami, kerana para malaikat terganggu dengan hal yang mengganggu manusia (iaitu: bau tidak sedap).* (Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadi' al-Solah, Bab Nahy Man Akala Thuman 'aw Basolan 'aw Kurrathan 'aw Nahwaha, no. hadis: 564).

Penciptaan angin sebagai salah satu unsur dalam udara juga mempunyai peranan yang signifikan. Al-Quran menyatakan peranan angin dalam menggerakkan awan yang mendung ke kawasan tertentu bagi membolehkan kawasan tersebut menerima hujan sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat berikut:

وَاللَّهُ الَّذِي أَرْسَلَ الرِّيحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَسُقْنَهُ إِلَىٰ بَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأُحْيَيْنَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا

Terjemahan: *Dan Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan, kemudian Kami halakan awan itu ke negeri yang mati (yang kering kontang) lalu Kami hidupkan bumi sesudah matinya dengan (hujan dari awan) itu.* (Surah Fatir 35:9)

Selain itu, angin juga berperanan dalam mewujudkan keseimbangan di udara secara semula jadi iaitu dengan mengurangkan tahap kepanasan serta membersihkan udara

yang tercemar dengan bau yang busuk (Mohd Muhideen Abd Rahman. 1997: 178). Dengan itu, kualiti udara di sesebuah kawasan dapat ditingkatkan

Manusia sememangnya memerlukan udara yang segar dalam kehidupan. Masyarakat Arab di Makkah dahulu mempunyai tradisi menghantar anak mereka yang baru dilahirkan ke kawasan perkampungan yang mempunyai persekitaran yang lebih tenang, bersih dan segar. Rasulullah SAW sendiri tidak terkecuali di mana Baginda dibesarkan di perkampungan Bani Sa'ad yang mempunyai udara persekitaran yang jauh lebih berkualiti berbanding kota Makkah. Hasilnya, Baginda membesar sebagai seorang remaja yang cergas, sihat dan mempunyai ketahanan badan yang baik (al-Siba'i, Mustafa. 1985: 52). Hal ini membuktikan bahawa persekitaran yang sihat dan bersih mempunyai pengaruh yang tersendiri terhadap perkembangan manusia itu sendiri. Oleh itu, manusia perlu memastikan sebarang unsur dan aktiviti yang boleh mencemarkan udara dielakkan semampu mungkin bagi menjamin kualiti udara yang dikongsi secara bersama.

Hidrosfera

Hidrosfera merupakan antara komponen alam sekitar yang penting kepada ekosistem semula jadi bumi. Ia melibatkan unsur air yang sama ada dalam tanah, di permukaan bumi atau dalam udara. Hampir 75% daripada permukaan bumi diliputi air yang melibatkan pelbagai ekosistem seperti tasik, laut, sungai dan sebagainya (Bootkin, D.B. dan Keller, E.A. 2000: 64). Pencemaran sumber air hasil kegiatan pembangunan secara tidak terkawal serta kelalaian manusia dalam menjaga aset penting ini boleh mengakibatkan mereka berhadapan dengan masalah yang serius seperti kekurangan bekalan air bersih (Jasiman Ahmad. 2003: 39). Pencemaran sumber air di Malaysia disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu bahan buangan industri terutamanya yang berasaskan pembuatan dan pertanian, aktiviti penternakan dan bahan buangan domestik (Nor Azzah Kamri dan Munirah Abd Razzak. 2010: 137). Manusia perlu memberikan keutamaan terhadap aspek penjagaan komponen ini kerana ia mempunyai kepentingan yang signifikan dalam kehidupan makhluk terutamanya bagi memenuhi keperluan asas mereka seperti minuman, pengangkutan serta aktiviti mandi yang dapat mengawal kestabilan suhu badan serta membersihkan tubuh badan daripada segala kotoran.

Air merupakan sumber minuman yang utama bagi seluruh hidupan yang berfungsi mencegah penghidratan tubuh badan serta memudahkan proses penghadaman makanan dalam perut. Namun begitu, bukan semua jenis air sesuai dijadikan sebagai sumber minuman terutamanya bagi manusia. Tubuh badan manusia tidak boleh menerima air laut yang mempunyai kandungan garam yang tinggi (Zayn al-Din 'Abd al-Maqsud. 1981: 68). Dalam hal ini, Allah SWT telah menciptakan sempadan antara air tawar dan air masin sehingga membolehkan manusia mendapatkan sumber bekalan air yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut:

وَهُوَ الَّذِي مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ وَهَذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا وَحِجْرًا مَّحْجُورًا

Terjemahan: *Dan Dialah yang memberikan dua laut mengalir (berdampingan), yang ini tawar lagi segar dan yang lain masin lagi pahit. Dia menjadikan antara kedua-duanya dinding dan batas yang menghalangi.* (Surah al-Fuqan 25:53)

Selain itu, laut dan sungai juga berperanan dalam menyediakan bekalan makanan yang segar serta medium pengangkutan buat manusia. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu mengukuhkan kedudukan ekonomi manusia menerusi penyediaan peluang pekerjaan serta memudahkan aktiviti perdagangan domestik dan antarabangsa. Allah SWT berfirman:

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِنَآكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسَخَّرِجُوا مِنْهُ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفُلْكَ مَوَاحِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Terjemahan: *Dan Dialah yang menyediakan lautan, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang segar dan kamu dapat pula mengeluarkan daripadanya perhiasan untuk kamu memakainya dan kamu juga dapat melihat kapal-kapal belayar padanya, supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan supaya kamu bersyukur.* (Surah al-Nahl 16:14)

Hidupan lain seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan juga turut memerlukan air bagi meneruskan kelangsungan hidup. Air merupakan sumber utama yang menghidupkan dan menyuburkan tumbuh-tumbuhan. Hal ini penting kerana tumbuh-tumbuhan berperanan dalam membekalkan sumber oksigen dan makanan buat manusia dan haiwan. Pencemaran sumber air boleh mengakibatkan implikasi yang negatif dalam hubungan antara manusia dan hidupan lain. Tumbuh-tumbuhan yang kekurangan air akan layu seterusnya kuantiti oksigen yang dibebaskan ke udara juga akan berkurangan. Atas dasar itulah Rasulullah SAW menegah sebarang tindakan pencemaran air sebagaimana sabdanya:

لَا يُبُولَنَّ أَحَدُكُمْ فِي الْمَاءِ الدَّائِمِ ثُمَّ يَغْتَسِلُ مِنْهُ

Terjemahan: *Janganlah ada dalam kalangan kamu membuang air kecil di dalam air yang tenang kemudian mandi dengan air tersebut.* (Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Taharah, Bab al-Nahy 'an al-Bawl fi al-Ma' al-Rakid, no. hadis: 282).

Tegahan tersebut menggambarkan kepentingan menjaga kualiti air sebagai sumber mentah utama bagi manusia dan hidupan lain. Tindakan manusia mengotorkan sumber air samada secara langsung mahupun tidak langsung sebenarnya bakal mengundang padah dan musibah terhadap kesejahteraan hidup mereka sendiri. Oleh itu, sebarang usaha pencemaran air perlu dibendung sehabis mungkin bagi mengelakkan krisis yang berpotensi menyulitkan kehidupan manusia itu sendiri. Pihak kerajaan sendiri telah menguatkuasakan beberapa akta dan peraturan bagi mengawal segala aktiviti yang berpotensi mengundang pencemaran terhadap sumber air di Malaysia seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974, Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Enakmen Pemeliharaan Babi, 1980,

Enakmen Perlombongan, Enakmen Air, 1920 Akta Perkhidmatan Pembetulan, 1993 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen Industri), 1979.

Litosfera

Struktur asas yang membentuk permukaan bumi adalah lapisan litosfera yang terdiri daripada unsur batuan, tanah dan tanih. Lapisan ini merupakan habitat utama bagi kebanyakan hidupan di bumi untuk membina penempatan dan menjalankan aktiviti seharian. Selain itu, tanah juga mengandungi pelbagai sumber mineral dan galian di bahagian bawahnya yang bermanfaat buat manusia (Jamaluddin Md. Jahi. 2005: 12). Islam memberikan galakan kepada manusia untuk mengusahakan tanah dengan sebaiknya sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang berikut:

مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَلْيُزْرِعْهَا أَوْ لِيَمْنَحْهَا أَخَاهُ

Terjemahan: *Barangsiapa mempunyai tanah (pertanian), hendaklah dia mengusahakannya atau memberikan kepada saudaranya (untuk diusahakan).* (Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Muzara'ah, Bab Ma Kana min Ashab al-Nabiy Yuwasi Ba'dhum Ba'da fi al-Zira'ah wa al-Thamr, no. hadis: 2341).

Hal ini bagi memastikan setiap tanah dapat digunakan serta dimanfaatkan secara optimum. Allah SWT telah menurunkan air hujan bagi meningkatkan kesuburan tanah serta menyediakan sumber pengairan yang boleh digunakan oleh manusia untuk pelbagai tujuan sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut:

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّاهُ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّا عَلَى ذَهَابٍ بِهِ لَقَادِرُونَ

Terjemahan: *Dan Kami telah menurunkan air hujan dari langit (dengan sukatan tertentu) serta Kami tempatkannya tersimpan di dalam bumi, dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya.* (Surah al-Mu'minun 23:18)

Struktur tanah yang subur memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengeluaran hasil pertanian sebagai salah satu sumber makanan dan ekonomi manusia. Allah SWT telah menjelaskan mengenai perkara ini dalam ayat berikut:

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرِجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبثَ لَا يَخْرِجُ إِلَّا نَكِدًا كَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ

Terjemahan: *Tanah yang baik tumbuh tanamannya (dengan subur) dengan izin Tuhan (Allah), tetapi tanah yang tidak baik, tumbuh-tumbuhannya hanya tumbuh merana. Begitulah Kami menjelaskan keterangan itu untuk kamu yang bersyukur (menghargai jasa).* (Surah al-A'raf 7:58)

Kawasan lembah yang subur dan menghidupkan juga sesuai dijadikan kawasan penternakan haiwan. Oleh itu, manusia perlu mengawal diri daripada sebarang aktiviti yang boleh mencemarkan kualiti kesuburan tanah seperti pembuangan sisa toksik dan sebagainya. Rasulullah SAW bersabda:

اتَّقُوا الْمَلَاعِينَ الثَّلَاثَةَ الْبَرَّازَ فِي الْمَوَارِدِ وَقَارِعَةَ الطَّرِيقِ وَالظَّلِيلَ

Terjemahan: *Berjaga-jagalah daripada tiga sumpahan iaitu membuang air besar di sumber air, di tengah jalan dan di tempat teduhan.* (Hadis riwayat Abu Dawud, Kitab al-Taharah, Bab al-Mawadi' allati Naha al-Nabiy 'an al-Bawl Fiha, no. hadis: 26).

Tanah juga berpotensi untuk dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan. Namun begitu, segala aktiviti oleh manusia melibatkan tanah seharusnya dilakukan secara terancang tanpa menjejaskan keseimbangan tanah itu sendiri. Pembangunan secara tidak terkawal tanpa mengambil kira struktur dan kedudukan tanah bakal mengundang bencana alam seperti hakisan tanah, tanah runtuh dan tanah mendap. Dalam konteks Malaysia, beberapa akta telah digubal berkaitan tanah seperti Kanun Tanah Negara 1965 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) (Pindaan) 2007, Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2007, Akta Jalan, Perparitan, dan Bangunan (Pindaan) 2007, Akta Penyenggaraan dan Pengurusan Bangunan dan Harta Bersama 2007, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, Akta Pemuliharaan Tanah 1960, Akta Penambakan Tanah dan Zon Pantai, dan lain-lain. (Abdul Hakim, Abdul Hamid dan Adibah Awang. 2009: 6). Hal ini memperlihatkan komitmen pihak kerajaan dalam mengawal segala aktiviti pembangunan daripada memberi implikasi yang buruk terhadap kestabilan dan keseimbangan alam sekitar.

Tanah dari perspektif Islam juga boleh dijadikan sebagai sumber pahala menerusi instrumen sedekah dan waqaf bagi kepentingan manusia terutamanya umat Islam (Norhibah Hasan. 1999: 42). Maka, secara tidak langsung menjadi tanggungjawab ke atas setiap manusia untuk memastikan nilai dan kualiti tanah yang ingin diinfakkan supaya boleh dimanfaatkan oleh manusia yang lain. Hal ini bagi menjamin kesempurnaan pahala hasil daripada kebajikan yang dilakukan sebagaimana firman Allah:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Terjemahan: *Kamu tidak akan sekali-kali dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.* (Surah Ali Imran 3:92)

Tanah yang tercemar dan tidak stabil sudah pasti tidak sesuai dijadikan sebagai bahan infak disebabkan ia kurang memberi manfaat kepada manusia. Oleh itu, manusia perlu mengambil perhatian terhadap aspek penjagaan tanah sebagai salah satu komponen yang penting dalam alam sekitar dengan mematuhi segala peraturan pembangunan serta memenuhi hak-hak alam yang telah ditetapkan.

Biosfera

Lapisan biosfera melibatkan unsur hidupan yang bernyawa seperti manusia dan haiwan serta unsur yang tidak bernyawa seperti tumbuhan dan flora (Jamaluddin. 2005: 21). Setiap unsur tersebut saling berhubungan dan mempunyai pengaruh antara satu sama lain di mana kestabilan dan keseimbangan ekosistem semula jadi bergantung kepada bilangan populasi dan tindak balas antara unsur-unsur ini. Pertalian yang wujud antara manusia dan hidupan lain diaturkan oleh Allah SWT secara harmoni bagi membolehkan setiap unsur mendapat manfaat masing-masing yang telah ditentukan sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut:

وَالْأَنْعَامَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ

Terjemahan: *Dan binatang-binatang ternak itu, Dia juga menciptakannya untuk kamu, terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain, dan daripadanya juga kamu makan.* (Surah al-Nahl 16:5)

Namun begitu, penggunaan dan kebergantungan terhadap sumber ini perlu dilakukan secara terkawal dan berhemah bagi mengelakkan berlakunya ketidakseimbangan ekosistem. Hal ini kerana pertambahan dan pengurangan sesebuah populasi secara tidak seimbang boleh menggugat kestabilan sesuatu ekosistem. Oleh itu, Islam melarang daripada membunuh haiwan tanpa sebarang tujuan yang penting terutamanya yang telah diwartakan sebagai spesies terancam yang dilindungi. Perbuatan ini bukan sahaja memberikan implikasi undang-undang di dunia, malah pelakunya turut berhadapan dengan balasan buruk di akhirat kelak sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis berikut :

مَنْ قَتَلَ عُصْفُورًا عَبَثًا عَجَّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يُقُولُ يَا رَبِّ إِنَّ فُلَانًا قَتَلَنِي عَبَثًا وَلَمْ يُقْتُلْنِي لِمَنْفَعَةٍ

Terjemahan: *Sesiapa yang membunuh burung tanpa keperluan, roh burung tersebut akan mengadu kepada Allah 'Azza wa Jalla, meraung dan menangis : Ya Rabb, orang ini telah membunuhku kerana main-main dan bukannya untuk sebab yang berguna.* (Hadis riwayat al-Nasa'i, Kitab al-Dahaya, Bab Man Qatala 'Ushuran bi Ghayr Haqqiha, no. hadis: 4446).

Tumbuhan juga mempunyai peranan yang penting terhadap kestabilan sesuatu ekosistem di mana manusia dan haiwan memerlukan oksigen daripada tumbuhan dan sebagai gantinya tumbuhan pula akan menyerap karbon dioksida yang dikeluarkan oleh manusia. Islam menggalakkan aktiviti penanaman dan penjagaan tumbuhan sebagai salah satu unsur yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup manusia. Rasulullah SAW menyatakan :

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَحِيمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ

Terjemahan : Sesiapa daripada orang Muslim yang menanam tanam-tanaman dan hasilnya dimakan oleh burung atau manusia ataupun binatang maka baginya mendapat pahala sedekah. (Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Muzar'ah, Bab Fadl al-Zar' wa al-Ghars idha akal minh, no hadis: 2320).

Dalam aspek perundangan pula, beberapa akta dan peraturan telah digubal berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan flora dan fauna di Malaysia seperti Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Kebajikan Haiwan 2015, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Akta Makanan Haiwan 2009, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008, Akta Haiwan 1953, Akta Perikanan Malaysia 1985, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 dan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Seksyen 2 Akta Perhutanan Negara 1984 sebagai contoh telah mewartakan konsep "hutan simpanan kekal" bagi memelihara dan melindungi sesebuah kawasan berdasarkan keperluan semasa. Rasulullah SAW telah memulakan usaha ini di Madinah dengan mewujudkan kawasan tanah perlindungan yang digelar sebagai *al-hima* bagi memastikan sumber-sumber yang terdapat dalam kawasan tersebut dilindungi dan digunakan secara berhemah ('Abd al-Majid al-Najjar. 1999: 72). Kawasan *al-hima* ini kebiasaannya diwartakan untuk hidupan liar dan perhutanan dengan penguatkuasaan larangan pemusnahan habitat dan perburuan.

Selain itu, Baginda turut mengambil berat terhadap alam sekitar meskipun dalam suasana peperangan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan amant yang sering dikeluarkan oleh Baginda terhadap para tentera Muslim yang antaranya mengandungi larangan penebangan dan pembakaran pokok, penyembelihan haiwan tanpa sebarang keperluan serta perobohan bangunan secara sesuka hati (Abī Ja'far bin Jarīr al-Ṭabarī. t.t: 3/210). Perintah untuk menjaga kestabilan dan keseimbangan setiap ekosistem ini sebenarnya bertujuan mewujudkan kemaslahatan yang telah diperuntukkan Allah terhadap semua manusia di mana kemaslahatan ini hanya akan dapat direalisasikan menerusi usaha yang efektif dan konsisten oleh mereka dalam memelihara dan memulihara sumber khazanah alam yang sangat bernilai ini.

PENJAGAAN ALAM SEKITAR MENURUT MAQASID SYARIAH

Tujuan pensyariatannya sesuatu hukum secara asasnya bagi memelihara dan mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia hingga ke akhirat (Yusuf Hamid al-Alim. 1993: 63). Hak manusia di dalam Islam secara umumnya dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu hak *al-daruriyyat* (keperluan manusia), hak *al-hajiyyat* (kepentingan manusia) serta hak *al-tahsiniyyat* (keselesaan manusia). Bagi merealisasikan tuntutan hak *al-daruriyyat* ini, terdapat lima bentuk pemeliharaan yang telah ditetapkan oleh Islam dikenali sebagai *al-daruriyyat al-khams* iaitu pemeliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), harta (*hifz al-mal*) dan keturunan (*hifz al-nasl*) yang sebenarnya sangat berkait rapat dengan kepentingan penjagaan alam sekitar (*hifz al-bi'ah*). Usaha penjagaan alam sekitar secara lestari membawa kepada

penyempurnaan matlamat syariat Islam itu sendiri yang akhirnya akan mendatangkan masalah serta menolak sebarang kemudahan daripada manusia.

Penjagaan Agama

Paradigma tauhid mengikat individu Muslim dengan hakikat iman, amal dan ihsan (Nor Azzah Kamri dan Munirah Abd Razzak. 2010: 140). Tauhid yang sempurna bukan terhad kepada pengucapan iman semata-mata bahkan perlu dikukuhkan dengan pembuktian manifestasi iman tersebut melalui amal soleh dengan mematuhi segala perintah Allah serta menghadirkan sifat ihsan yang berperanan sebagai pemantau dan pengawas dalam setiap perbuatan. Segala tindakan yang dilakukan berpaksikan keredaan Allah dan bukannya sekadar matlamat kebendaan semata-mata. Sebagai pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan terhadap bumi ini, pengurusan alam yang baik merupakan manifestasi keimanan dan kepatuhan individu Muslim terhadap perintah Allah antaranya seperti yang dinyatakan dalam ayat berikut :

وَأَبْغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ
وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Terjemahan: *Dan carilah apa yang diberikan Allah kepada kamu (keselamatan kampung akhirat), dan janganlah kamu lupa bahagian kamu di dunia ini. Buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah berbuat kebaikan kepada kamu dan janganlah kamu berbuat bencana di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak mencintai orang-orang yang berbuat bencana.* (Surah al-Qasas 28:77)

Tanggungjawab ubudiyah menyedarkan manusia supaya tidak bertindak sewenang-wenangnya terhadap alam sekitar sebaliknya menuruti peraturan (*sunnatullah*) yang telah ditetapkan oleh Allah. Alam sekitar merupakan salah satu daripada amanah yang telah diserahkan kepada manusia dan perlu ditunaikan dengan baik sebagaimana firman Allah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَخَوْنُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedang kamu mengetahui (salahnya).* (Surah al-Anfal 8:27)

Pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada manusia boleh menjejaskan hakikat keimanan individu yang terlibat. Al-Qardawi menyatakan bahawa tuntutan penjagaan alam sekitar sebenarnya merupakan tuntutan yang fardu ke atas semua umat Islam yang perlu disempurnakan dengan penuh ketaatan dan kesungguhan (Yusuf al-Qardawi. 2001: 16). Maka, usaha penjagaan alam sekitar seharusnya dilaksanakan sebaik mungkin bagi mencapai hakikat kesempurnaan iman.

Penjagaan Akal

Alam ciptaan Allah yang terbentang luas menyediakan ruang penelitian dan pembelajaran buat manusia bagi melakukan penyelidikan yang boleh mendatangkan manfaat buat umat manusia. Selain itu, ia juga merupakan jalan berfikir untuk mengenal Allah dalam usaha memantapkan keimanan kepadanya (Zayn al-Din 'Abd al-Maqsud. 1981: 59). Kewujudan dan kekuasaan Allah dibuktikan melalui penjelasan al-Quran (*ayat al-Maqrū'ah*) dan kejadian alam semesta (*ayat al-Manzurah*) (Fathi al-Durayni. 1986: 83). Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ
قِيَمًا وَفُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ

Terjemahan: *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (Iaitu) Orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi. (Surah Ali Imran 3: 190-191)*

Selain itu, kandungan al-Quran yang menceritakan mengenai fungsi dan hakikat unsur-unsur tertentu dalam alam selain dapat menambahkan keimanan kepada Allah, turut boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dalam membantu menambahkan pengetahuan manusia berhubung sistem dan perjalanan alam ini. Antaranya berkaitan penciptaan gunung dan sungai dengan peranan tertentu bagi menstabilkan bumi iaitu:

وَأَلْقَىٰ فِي الْأَرْضِ رَوْسِي أَن تَمِيدَ بِكُمْ وَأَمْهَرَا وَسْبُلًا لِّعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Terjemahan: *Dan Dia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu, dan Dia mengadakan sungai-sungai serta jalan-jalan supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju. (Surah al-Nahl 16:15)*

Setiap maklumat yang dibekalkan dalam al-Quran memerlukan kepada analisis dan penelitian yang rapi bagi merungkai setiap hikmah yang terkandung di dalamnya. Allah SWT berfirman:

يُنْبِتُ لَكُمْ بِهِ الزَّرْعَ وَالزَّيْتُونَ وَالنَّجِيلَ وَالْأَعْنَبَ وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: *Dia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur, dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir. (Surah al-Nahl 16:11)*

Namun begitu, setiap analisis dan penyelidikan yang dilakukan perlulah mematuhi epistemologi Islam yang bersifat *God-oriented* di mana matlamat akhirnya adalah bertujuan mendapat keredaan Allah.

Penjagaan Nyawa

Alam sekitar yang berkualiti menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian hidup manusia serta melindungi mereka dari sebarang kesulitan dan kesukaran. Pencemaran dan kerosakan yang dilakukan oleh sebahagian manusia mendedahkan manusia yang lain kepada malapetaka dan bencana alam seperti tanah runtuh, banjir kilat dan seumpamanya yang boleh mengorbankan nyawa manusia. Islam memberikan ancaman yang serius berkaitan golongan yang melakukan perkara tersebut antaranya menerusi ayat berikut:

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا
النَّاسَ جَمِيعًا

Terjemahan: *Barang siapa membunuh seorang manusia, dan membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barang siapa yang memelihara kehidupan manusia, maka seakan-akan dia telah memelihara kehidupan manusia seluruhnya.* (Surah al-Maidah 5:32)

Kemusnahan dan kerosakan alam sekitar untuk tujuan pembangunan dan sebagainya boleh dianggap sebagai pembunuhan secara tidak langsung terhadap manusia dan hidupan lain yang terkesan dengan tindakan tersebut. Maka, sebarang projek pembangunan yang direncanakan sewajarnya melalui proses dan prosedur penilaian risiko yang rapi bagi menilai kesan projek tersebut terhadap alam sekitar dan hidupan persekitaran (K. Smith. 1996: 64). Persekitaran yang baik juga menjamin tahap kesihatan yang baik terhadap manusia. Oleh itu, Islam turut memperkenalkan kaedah pencegahan wabak berjangkit bagi memastikan sesuatu penyakit itu tidak merebak sehingga memudaratkan manusia yang lain sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Terjemahan: *Jika kamu mendengar ada wabak penyakit menyerang suatu daerah, maka janganlah kamu masuk ke sana, dan jika wabak itu menimpa suatu daerah sedang kamu berada di sana maka janganlah kamu keluar melarikan diri daripadanya.* (Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Tibb, Bab Ma Yudhkar fi al-Ta'un, no. hadis: 5728).

Penjagaan nyawa merupakan antara elemen yang diberikan penekanan utama dalam Islam kerana nyawa manusia merupakan anugerah Allah yang sangat bernilai serta tidak boleh diancam sesuka hati. Oleh itu, inisiatif dalam mewujudkan keseimbangan alam sekitar perlu dilakukan secara serius bagi menjamin kelangsungan hidup manusia dan hidupan lain di dunia ini.

Penjagaan Harta

Kerosakan yang berlaku di bumi merupakan cerminan kerakusan dan ketirisan pengurusan alam oleh manusia. Tindakan mereka mengejar kepentingan material sehingga sanggup mencemarkan dan mengorbankan alam semula jadi bukan sahaja berpotensi mengundang implikasi negatif kepada mereka, bahkan turut mengganggu

kestabilan ekosistem hidupan yang lain (Jamaluddin Md. Jahi. 1996: 26). Hal ini sebagaimana yang dinyatakan menerusi ayat berikut:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Terjemahan: *Telah timbul perbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).* (Surah al-Rum 30:41)

Manusia akan berhadapan dengan masalah yang serius apabila sumber alam yang dibekalkan oleh Allah mengalami kemusnahan atau kehabisan. Oleh itu, pengawalan terhadap aspek pemuliharaan dan pemeliharaan sumber-sumber alam semula jadi merupakan perkara yang berkaitan rapat dengan kehidupan manusia itu sendiri. Penggunaan dan pemanfaatan sumber alam secara berhemah, terancang dan lestari perlu diutamakan bagi memastikan kestabilan dan keseimbangan sistem alam sekitar. Sebarang tindakan yang berpotensi mengakibatkan kehabisan dan kemusnahan sumber alam perlu dielakkan seperti penerokaan dan pembukaan tanah baru tanpa kebenaran, pencemaran sumber air mentah, pengeluaran bahan-bahan galian tanpa kawalan, pembalakan dan pembakaran hutan, pembangunan secara tidak terancang, pelepasan asap dan gas berbahaya ke udara, pencerobohan alam semula jadi dan seumpamanya (Jasiman Ahmad. 2003: 33).

Islam telah memperkenalkan konsep kesederhanaan dalam setiap aspek kehidupan termasuklah berkaitan dengan alam sekitar sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Terjemahan: *Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiadalah bakhil kedekut. Dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.* (Surah Furqan 25:67)

Hal ini penting dalam mewujudkan keseimbangan kerana alam ini telah diciptakan oleh Allah mengikut kadar dan aturan yang tertentu. Pelanggaran terhadap aturan ini akan membawa kepada ketidakstabilan ekosistem seterusnya mendatangkan kemudaratan yang berpanjang dalam kehidupan manusia.

Penjagaan Keturunan

Manusia hanya diamanahkan sebagai pengurus serta pentadbir alam ini dan bukannya pemilik mutlak terhadap segala khazanah dan aset yang telah diciptakan oleh Allah ini. Suatu hakikat yang perlud difahami dan disedari adalah manusia pada setiap zaman tidak mewarisi alam ini daripada generasi terdahulu sebaliknya hanya meminjamnya daripada generasi yang akan datang. Maka, amanah ini perlu dipelihara sebaik mungkin bagi memastikan bumi yang kita wariskan kepada keturunan kita kelak berada dalam keadaan yang stabil dan berkualiti. Allah SWT mencela manusia yang merosakkan alam sekitar sebagaimana firmanNya:

وَإِذَا تَوَلَّى سَعَى فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ

Terjemahan: *Dan apabila ia pergi (dengan mendapatkan hajatnya), berusaha ia di bumi untuk melakukan bencana padanya dan membinasakan tanam-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia), sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan.* (Surah al-Baqarah 2:205)

Bumi yang rosak dan tercemar bakal menggugat kestabilan dan kesejahteraan hidup generasi akan datang. Maka, setiap manusia perlu memiliki tahap kesedaran yang tinggi berhubung perkara sendiri dan diterjemahkan menerusi tindakan dan perbuatan bagi memastikan bumi yang dipinjam daripada generasi seterusnya dipulangkan dalam keadaan yang baik.

KESIMPULAN

Islam memberikan penekanan dan perhatian yang serius terhadap penjagaan alam sekitar. Pendekatan Islam dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan alam sekitar melibatkan aspek fizikal seperti penguatkuasaan undang-undang dan juga aspek spiritual seperti penerapan nilai dan etika dalam berinteraksi dengan alam sekitar. Kedua-dua pendekatan ini perlu digerakkan secara bersepadu dan komprehensif dalam memastikan keberkesanan usaha meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan manusia berhubung kepentingan penjagaan alam sekitar. Setiap manusia terutamanya umat Islam perlu menyedari bahawa alam sekitar yang diamankan ini merupakan medium perantaraan dalam perjalanan seseorang hamba bertemu dengan penciptanya. Segala tindakan manusia melibatkan alam sekitar mempunyai nilai pahala dan dosa yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Maka, ruang yang disediakan di dunia ini perlu digunakan dengan sebaiknya dengan melakukan kebaikan sesama makhluk serta memelihara kestabilan alam yang dianugerahkan oleh Allah ini. Hubungan harmoni yang wujud antara manusia dengan alam sekitar ini juga merupakan platform terbaik dalam memenuhi dan merealisasikan prinsip Maqasid Syariah yang berperanan mewujudkan kesejahteraan dalam kehidupan setiap manusia.

RUJUKAN

- A.R. Agwan. (1997). *Islam and The Environment*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Al-Alim, Yusuf Hamid (1993). *Al-Maqasid al-'Ammah li al-Syariah al-Islamiyyah*. Maghribi : Dar al-Aman.
- Al-Durayni, Fathi. (1986) *Khasais al-Tashri' al-Islami Fi al-Hukm wa al-Siyasah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- al-Faqi, Muhammad 'Abd al-Qadir. (1993). *al-Bi'ah, Mashakiluha wa Qadayaha wa Himayatuha min al-Talawwuth: Ru'yah Islamiyyah*. Qahirah: Maktabah Ibn Sina.
- al-Najjar, 'Abd al-Majid. (1999). *Qadaya al-Bi'ah min Manzur Islami*. Doha: Markaz al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Botkin, D.B. dan Keller, E.A. (2000). *Environmental Science: Earth As Living Planet*. New York: John Wiley dan Sons.
- Fadhil Othman (1996). *Permasalahan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: DBP-UTM.
- Fazlun M. Khalid. (1999). *Islam dan ekologi*. Petaling Jaya: Ultimate Print.
- Hazura Abu Bakar dan Sharifah Norhaidah Syed Idros (2007), *Pemeliharaan Alam Tabii Bersumberkan Pengetahuan Islam DP*. Vol. 7, No. 1.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad Abu Bakr (1989). *Al-Turuq al-Hukmiyyah*,. Damsyik: Maktabah Dar al-Bayan.
- Ibn Asyur. Muhammad al-Tahir. (1999). *Maqasid al-Syaricah al-Islamiyyah*. Kuala Lumpur: Fajar Ulung Sdn. Bhd.
- Jamaluddin Md. Jahi (2011) *Perubahan Persekitaran Fizikal dan Keselamatan Manusia Malaysian Journal of Environmental Management* Vol. 12, No. 2.
- Jamaluddin Md. Jahi. (1996). *Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaluddin Md. Jahi. (2005). *Alam Sekitar Fizikal: Pendekatan, Kepentingan dan Impaknya Terhadap Manusia*. (Persidangan Pendidikan Geografi/Sejarah 2005, anjuran Jabatan Pelajaran Terengganu. Bukit Keluang Beach Resort, Besut, Terengganu, 19-21 Jun).
- Jasiman Ahmad, (2003) *Pencemaran Alam Sekitar*, Kuala Lumpur: Jade Green Publication Sdn Bhd.
- Kalsom Awang & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin *Pengaplikasian Qawa'id Fiqhiyyah dalam Pengurusan Alam Sekitar*. Jurnal Perspektif Vol. 3 No. 1.
- Mikdar Rusdi (2010) *Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut Perspektif al-Quran*, Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin (2017) *Hubungan Maqasid Syariah Dan Siasah Syar'iyah Dalam Urus Tadbir Negara* ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities Vol. 1.
- Mohd Muhiden Abd Rahman (1997), *Kebersihan Alam Sekitar Mengikut Perspektif Islam*, Jurnal Usuluddin Vol. 6.
- Mohd Nor Mamat (2002), *Prinsip dan Etika Islam dalam Pemuliharaan Alam Sekitar*, Jurnal Tasawwur Islam Vol. 5.
- Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali (2002) *Etika Alam Sekitar daripada Perspektif Islam, Timur dan Barat*, Bentong: PTS Publications & Distributors.
- Muhammad Fazlun Khalid (1997), *Islam and Ecology*, terj Baharin Ramly dan Aini Majid, Pulau Pinang: Sahabat Alam Malaysia.
- Nor Azzah Kamri dan Munirah Abd Razzak (2010), *Pendekatan al-Quran dan al-Sunnah dalam Mengurus Alam Sekitar Secara Beretika*, Jurnal Usuluddin, Vol. 32.
- Norhibah Hasan Zawawi, (1999). *Konsep Islam terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Pickering, K.T. & Owen, L.A. 1997. *An Introduction to Global Environmental Issues*. London: Routledge.
- Seyyed Hossein Nasr (1990), *Islam and the Environmental Crisis*. MAAS Journal of Islamic Science Vol. 6, No. 2.
- Shaharuddin Ahmad. 2001. *Pengantar Sains Atmosfera*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sham Sani. (1983). *Pengantar Cuaca dan Iklim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, K. (1996). *Environmental Hazards: Assessing Risk and Reducing Disaster*. London: Routledge.
- Zaini Ujang (1998). *Prinsip Ekologi Islam* (Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan. IKIM: 27-28 Oktober 1998).
- Zayn al-Din 'Abd al-Maqsud. (1981). *al-Bi'ah wa al-Insan*. Kuwait: Dar al-Buhuth al-'Ilmiyyah.